

17 DEC 1998

KEMPEN-LAPORAN/I

LAPORAN MENGENAI KEMPEN MILIK RUMAH AKAN DIKEMUKA KEPADA MTEN

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Laporan pertama mengenai kemajuan Kempen Pemilikan Rumah di seluruh negara akan dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Isnin depan, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata hari ini.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman akan menyampaikan laporan itu kepada Exco MTEN, beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan "Buku Wang Saku" dan "Buku Penyata Kewangan" sempena dengan Kempen Penggalakan Tabungan di sini.

Laporan itu akan mengandungi maklumat seperti jualan, masalah, sambutan orang ramai dan aduan-aduan yang termasuk pembeli-pembeli ditipu, terang Mustapa.

"Terdapat juga aduan-aduan daripada kakitangan kerajaan," Mustapa menambah kata bahawa kerajaan sanggup menghapuskan peraturan-peraturan remeh-temeh.

Mengenai permintaan supaya melanjutkan tempoh kempen itu, katanya ini mungkin dibincang pada Isnin depan. Kempen sebulan itu, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lepas, akan berakhir pada 12 Jan tahun depan.

Mustapa berkata kerajaan akan bertindak kepada laporan itu secepat mungkin kerana ia komited untuk memastikan bahawa kempen itu akan berjaya.

Dr Mahathir telah menyatakan harapannya agar kempen itu akan menghasilkan penjualan rumah bernilai kira-kira RM5 bilion.

Kempen itu adalah usaha oleh Persatuan Pemaju perumahan Malaysia (HDAM), Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Persatuan Syarikat Kewangan di Malaysia.

Matlamatnya adalah untuk mengadakan peluang kepada pembeli rumah memberi rumah dengan mengambil kesempatan daripada berbagai-bagai galakan yang ditawarkan semasa kempen itu dan juga membantu pemulihan ekonomi negara. -- BERNAMA

AD LPS OS